

LATIHAN UJI MINDA TATABAHASA

KESALAHAN PENGGUNAAN FRASA

ARAHAN : Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan

1. Para remaja-remaja harus diberikan perhatian jika kita mahu kesusasteraan Melayu tidak dilupakan oleh generasi dewasa ini.
A remaja
B para remaja
C sesetengah remaja
D para remaja-remaja
2. Kegiatan pertanian menghasilkan bahan mentah sebagai bahan sekunder untuk tujuan eksport.
A bagi eksport
B untuk dieksport
C bagi tujuan eksport
D untuk tujuan eksport
3. Kepupusan flora dan fauna berlaku kerana sikap tamak yang wujud dalam diri setengah-setengah pihak.
A sesetengah pihak
B tengah-tengah pihak
C setengah-tengah pihak
D setengah-setengah pihak
4. Sungguhpun masih muda tetapi Rosli sangat bijak mengamalkan nilai kebersihan fizikal dan mental.
A masih muda Rosli tetapi
B sungguhpun masih muda, Rosli
C walaupun masih muda tetapi Rosli
D sungguhpun masih muda tetapi Rosli
5. Beberapa orang budak sedang memancing ditepi sungai yang airnya dalam itu.
A air dalam sungai itu
B sungai yang air dalam
C sungai yang dalam airnya
D sungai yang airnya dalam itu
6. Industri berasaskan nanas akan terus dimajukan untuk menghasilkan produk-produk baharu dan mendapat permintaan yang sewajarnya.
A dapat permintaan wajar
C mendapat permintaan sewajarnya

B dapat permintaan sewajarnya D mendapat permintaan yang sewajarnya

7. Azman dan Kasim menyusun semua kotak-kotak itu di dalam stor.

- A menyusun semua kotak itu C menyusun itu kotak-kotak semua
B menyusun kotak-kotak semua itu D menyusun semua kotak-kotak itu

8. Wanita itu bertudung biru muda ibu saudara saya.

- A Wanita bertudung biru muda itu C Wanita muda itu bertudung biru
B Wanita bertudung biru itu muda D Wanita itu bertudung biru muda

9. Puan Suria sangat sayang anaknya itu bagi menatang minyak yang penuh.

- A sayang sangat anaknya itu C sangat sayang akan anaknya itu
B sayang anaknya sangat itu D sangat sayang anaknya itu

10. Lampu-lampu neon di bandar itu menerangi pemandangan pada waktu malam.

- A menerangkan pandangan di C menerangkan pemandangan pada
B terangkan pemandangan di D menerangi pemandangan pada